



MAJLIS ISLAM SARAWAK

## MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17,  
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH,  
JALAN P.RAMLEE,  
93400 KUCHING, SARAWAK.

Emel : mis50@sarawak.gov.my  
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA  
TEL :082-507214 FAKS :082-507240

PEJABAT SETIAUSAHA  
TEL :082-507215 FAKS :082-507241

TALIAN AM  
TEL :082-507251/507250 FAKS:082-507254

Rujukan Kami: JAIS/KIM/IMARAH/700-2/6/6(08)  
Tarikh :30 Oktober 2020

**SEMUA RESIDEN DAN PEGAWAI DAERAH  
SEMUA Pengerusi Lembaga Amanah Khairat Islam  
SEMUA KETUA MASYARAKAT & KETUA KAUM  
SEMUA Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau  
DI SELURUH SARAWAK**

Yang Berbahagia Datuk/ Dato/ Datu/ Tuan/ Puan,

**PEKELILING HAL EHWAL TANAH PERKUBURAN ISLAM BIL.1/2020: PENDAFTARAN TANAH  
PERKUBURAN ISLAM DAN PENUBUHAN JAWATANKUASA PENGURUSAN  
TANAH PERKUBURAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwat Masjid Dan Tanah Perkuburan - Majlis Islam Sarawak Kali Ke-40 Bil.5/2020 bertarikh 18 Ogos 2020 telah memutuskan supaya semua tanah Perkuburan Islam di Sarawak milik Majlis Islam Sarawak, Lembaga Amanah Khairat atau sebagainya hendaklah didaftar secara rasmi dan hendaklah ditubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Tanah Perkuburan Islam bagi memastikan tanah perkuburan diuruskan dengan baik dan teratur berdasarkan Garis Panduan Jawatankuasa Pengurusan Tanah Islam Majlis Islam Sarawak, 2020 dan Garis Panduan Kewangan Jawatankuasa Pengurusan Tanah Islam Majlis Islam Sarawak.

3. Sehubungan itu, semua pihak berkenaan adalah diarahkan untuk melaksanakan tindakan-tindakan berikut:

- Mendaftar tanah perkuburan Islam di Bahagian, Daerah, Mukim atau Kariah masing-masing;
- Mencadangkan penubuhan dan mencalonkan anggota Jawatankuasa Pengurusan Tanah Perkuburan Islam bagi bahagian /kariah masing-masing untuk dilantik secara rasmi,
- Memohon pendaftaran dan pelantikan Jawatankuasa Pengurusan Tanah Perkuburan Islam masing-masing secara dalam talian melalui Aplikasi : **kiswa.sarawak.gov.my** di bawah Modul Permohonan Dan Pendaftaran Tapak Perkuburan Islam.

4. Arahan ini hendaklah berkuatkuasa mulai **01 Oktober 2020**.

5. Atas perhatian dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan dalam hal ini, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian.

**“PEMACU KECEMERLANGAN UMMAH”  
“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”  
“AN HONOUR TO SERVE”**

**(HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)**  
Setiausaha  
Majlis Islam Sarawak